

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020

KERATAN AKHBAR

Peranan siapa jaga sungai kita?



ANALISIS
MUKA 16

NIK AMIRULMUMIN NIK
MIN

Tragedi Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor dan isu terputus bekalan air di Selangor satu isyarat jelas terhadap tanggungjawab menjaga alam sekitar terutama sungai dan punca sumber air di negara ini.

Kemusnahan dan pencemaran yang berlaku terhadap khazanah alam itu akan memberi impak cukup besar kepada kesejahteraan hidup rakyat.

Dalam isu ini, tiada pilihan antara kepentingan sungai dan pembangunan ekonomi kerana keduanya penting dan perlu seiring.

Malangnya, dalam kebanyakan kes yang berlaku, kerancakan industri dan pembangunan jelas antara punca kemusnahan dan pencemaran sungai dan punca air di negara ini.

Disebabkan ada pihak yang memandang remeh terhadap kepentingan sungai ini, undang-undang yang ditetapkan ditolak ke tepi demi keuntungan dan akhirnya mengundang tragedi sehingga penduduk terpaksa menanggung akibatnya.

Persoalannya, siapakah yang sebenarnya berperanan menjaga sungai kita ini?

Bagi penulis tanggungjawab itu sebenarnya perlu dipikul pihak yang berkemungkinan besar boleh menjadi punca kepada isu pence-

maran alam sekitar.

Mungkin pihak industri, pema-ju, kontraktor, pemegang konsesi balak, perlombongan dan sebagainya.

Justeru, mereka inilah yang sebenarnya patut dilibatkan sama dalam program atau kempen kesedaran berhubung kepentingan menjaga sungai kita. Bukan lagi pelajar sekolah.

Tidak adil untuk kerajaan memikul beban atas isu jenayah alam sekitar ini sepenuhnya. Bayangkan berapa kos yang perlu ditanggung untuk menyelesaikan masalah ini dan pada masa sama kerajaan juga yang terpaksa menjadi *punching bag* berdepan kemarahan rakyat.

Dalam konteks negeri Pahang, contohnya Sungai Ichat yang menjadi satu daripada sumber air bagi Loji Rawatan Air (LRA) Kuala Terla, Cameron Highlands pernah tercemar teruk akibat aktiviti peneroka kebun haram.

Isu ini menjadi perhatian sehingga Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di mana Seri Paduka sendiri berkenan mencemar duli meninjau tapak pencerobohan haram Sungai Ichat di Kuala Terla tahun lalu dan men-tahkan agar semua pihak menghen-tikan segera pencerobohan di ka-wasan tadahan air tersebut.

Ketegasan kerajaan negeri dalam menguatkuasakan tindakan dalam isu pencemaran Sungai Ichat membuahkan hasil apabila kualiti air sungai tersebut berjaya dipulih-kan dan selamat digunakan dari tahap empat ke tahap satu.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail se-belum ini memaklumkan lebih 500

hektar tanah diceroboh di Cameron Highlands dan lebih 100 hektar tanah yang diceroboh itu melibat-kan kawasan Sungai Ichat.

Kaji

Apa yang berlaku di kawasan Sungai Ichat itu antara contoh ba-gaimana pencemaran sesuatu su-ngai itu perlu dibayar dengan har-ga cukup tinggi untuk dipulihkan.

Ita bukan satu kerja mudah, me-makan masa yang lama namun untungnya ia masih mampu untuk dipulihkan.

Justeru, sudah tiba masanya kerajaan mengkaji semua kewajar-an kawasan berhampiran sungai terutama sungai yang membekal-kan sumber air ke LRA untuk air terawat dijadikan tapak industri dan sebagainya.

Bagi industri sedia ada, jamin-an kepada pematuhan peraturan ditetapkan perlu ditekankan melal-ui pemantauan lebih kerap dan penguatkuasaan lebih ketat.

Sewajarnya juga industri beri-siko yang beroperasi berhampiran sungai diwajibkan mengguna pakai teknologi dalam pengurusan sisa air buangan sebagai syarat lesen.

Bagi penulis, tahap kesedaran masyarakat terhadap penjagaan sungai sudah cukup tinggi. Mereka selalu tampil membuat aduan dan bantahan setiap kali berlaku pen-cemaran sungai.

Atas keprihatinan mereka inilah banyak kes-kes penerokaan hutan secara haram dan kegagalan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) oleh pihak pelesen berjaya dikesan dan diambil tindakan.

** Nik Amirulmumin Nik Min ialah Ketua Biro Sinar Harian Pahang*

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

Kualiti sungai semakin merosot



PERSPEKTIF
DR HALIZA ABDUL RAHMAN

Isu krisis bekalan air yang berpuncu daripada pencemaran sungai perlu diberi perhatian sewajarnya. Hal ini kerana akses kepada bekalan air minuman bersih sangat penting untuk kelangsungan hidup dan kesejahteraan kesihatan rakyat Malaysia. Memandangkan 98 peratus daripada bekalan air tawar negara berasal dari sungai, maka status dan kualiti air sungai perlu dititikberatkan agar sentiasa dalam keadaan baik dan lestari.

Selepas Selangor, Sik dan Kuala Muda di Kedah pula mengalami gangguan bekalan air berikutan pemberhentian sementara operasi tiga Loji Rawatan Air (LRA) yang menyalurkan bekalan air di dua daerah tersebut. Tumpahan minyak telah mencemari kualiti air mentah sehingga menjejaskan pembekalan air bersih kepada pengguna di kawasan terbabit.

Kualiti air sungai dan krisis bekalan air lazimnya berkait antara satu sama lain. Hal ini kerana sungai yang terjejas

dan tercemar dalam kuantiti yang banyak akan menyebabkan LRA dihentikan operasinya buat sementara waktu dan ketika inilah krisis bekalan air berlaku.

Apabila pencemaran tersebut berlaku, bekalan air kepada ribuan malahan jutaan pengguna akan terjejas, seperti yang kerap berlaku di Lembah Klang. Lantaran itu, isu pencemaran sungai semakin mendapat perhatian di peringkat global mahupun tempatan.

Sungai sentiasa dianggap sebagai saluran mudah bagi pelepasan dan pembuangan sisa daripada aktiviti pembangunan, khususnya industri. Lantaran itu, kualiti sungai di Malaysia semakin merosot, bahkan bekalan air bersih juga semakin berkurangan disebabkan pertambahan jumlah sungai yang tercemar.

Pada tahun 2019, 25 sungai di Malaysia dikategori sebagai 'mati' yang melibatkan 16 sungai di Johor, Selangor (5), Pulau Pinang (3) dan Melaka (1). Kesemua sungai ini berada pada Kelas 4 dan 5 yang dikategorikan tercemar teruk.

Sejak tahun 1920 lagi, Malaysia telah mempunyai undang-undang berkenaan air iaitu Akta Air 1920 diikuti oleh pelbagai lagi perundangan yang dikuatkuasakan oleh pelbagai agensi berkaitan.

Sungai sentiasa dianggap sebagai saluran mudah bagi pelepasan dan pembuangan sisa daripada aktiviti pembangunan."

Sekiranya ditinjau dari segi kemajuan yang dicapai Malaysia menerusi pelaksanaan peruntukan perundangan alam sekitar sedia ada, kelihatan ia masih tidak membuahkan hasil yang diharapkan.

Satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian sewajarnya adalah pelbagai perundangan tersebut berada di bawah pelbagai agensi penguatkuasaan yang akhirnya menimbulkan permasalahan dalam tadbir urus sungai dan sumber air. Antara lain, membabitkan tuding menuding jari antara agensi berkaitan apabila berlakunya pencemaran sungai.

Maka, pesalah yang melanggar peruntukan undang-undang tidak serik dan takut untuk mengulangi kesalahan mereka kerana tiada ketegasan dalam penguatkuasaan.

Menyentuh aspek penguatkuasaan, kita sering didedahkan bagaimana industri yang menjadi antara penyum-

bang utama pencemaran sungai hanya dikenakan kompaun kerana membuang efluen ke sungai. Amat jarang kita mendengar kilang ditutup secara kekal atau pemiliknya dipenjara kerana tindakan itu.

Sikap acuh tidak acuh sebahagian anggota masyarakat diakui menjadi antara penyumbang kepada pencemaran sungai. Sikap komuniti seperti ini secara tidak langsung menggagalkan usaha kerajaan dalam melestarikan sungai di negara ini. Umumnya, sikap masyarakat Malaysia terhadap isu pelestarian sungai ini masih di tahap yang membimbangkan.

Masyarakat harus diberi kesedaran berterusan bahawa usaha memastikan persekitaran sungai supaya sentiasa bersih perlu digalas bersama.

Dapat dirumuskan, masalah pencemaran sungai di negara ini berlaku bukan hanya disebabkan kelemahan perundangan secara total, malahan turut disumbangkan oleh kelemahan dalam penguatkuasaan dan tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah.

* Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia Institut Pengajian Sains Sosial (IPSSAS) Universiti Putra Malaysia